



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PERWAKILAN KEDUTAAN BESAR AMERIKA SYARIKAT KE ATAS KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 5 JANUARI 2026 – YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), hari ini telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan David H. Gamble, Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Amerika Syarikat ke Malaysia di Wisma Tani, Putrajaya.

Kunjungan hormat tersebut merupakan kelangsungan kerjasama dua hala yang kukuh antara Malaysia dan Amerika Syarikat, khususnya dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan, selaras dengan hubungan diplomatik erat yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pihak berkongsi pandangan mengenai usaha-usaha peningkatan kerjasama perdagangan pertanian bertujuan untuk memperkukuhkan prestasi perdagangan serta meningkatkan keyakinan bersama terhadap sistem kawal selia makanan dan pertanian kedua-dua negara.

Di samping itu, Malaysia turut menyatakan hasrat untuk meneroka peluang kerjasama dalam beberapa bidang strategik, antaranya pengeluaran jagung bijirin (grain corn) bagi makanan ternakan, pemerkasaan mekanisasi dan automasi pertanian melalui penerapan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti serta daya saing sektor agromakanan negara, selain pembangunan tanaman kubis bulat di kawasan tanah rendah. Datuk Seri Isham turut mengalu-alukan pelaburan dari Amerika Syarikat ke Malaysia dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan, termasuk pembangunan teknologi **Internet of Things (IoT)** serta penambahbaikan varieti benih.

Sehubungan itu, KPKM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Pertanian (DOA) dijangka mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat dalam masa terdekat bagi tujuan penandaarasan sistem kawalan kesihatan makanan dan pertanian negara tersebut, selaras dengan komitmen yang digariskan di bawah ART.

Sehingga September 2025, jumlah perdagangan pertanian antara Malaysia dan Amerika Syarikat mencecah kira-kira **RM14.68 bilion**, merangkumi eksport pelbagai produk pertanian utama Malaysia ke Amerika Syarikat seperti kopi, koko, teh, rempah-ratus dan produk pertanian terproses. Manakala, import dari Amerika Syarikat pula melibatkan pelbagai produk makanan.

Kunjungan hormat ini mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memperkukuh hubungan strategik sektor agromakanan, selaras dengan usaha Malaysia untuk meningkatkan keterjaminan bekalan makanan serta memperkukuh rantai nilai pertanian negara. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian, serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

